

CNS5703

U GB 03-08 00184 BA562

aab

Mahathir - Bosnia

MALAYSIA AKAN HANTAR TENTERA KE BOSNIA DENGAN SYARAT

Daripada Ali Mamat

BANDAR SERI BEGAWAN, 3 Ogos (Bernama) -- Malaysia mahu memastikan syarat-syarat tertentu sebelum menghantar tenteranya menyertai pasukan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) di Bosnia-Herzegovina, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Katanya, antara syarat-syarat itu ialah tentera PBB yang sedia ada di sana terus dikekalkan, perlindungan udara secukupnya diberikan dan peralatan perlu disediakan kepada tentera Malaysia.

"Kita tidak mahu hantar tentera kita ke sana untuk disembelih," katanya kepada pemberita pada akhir lawatan rasminya selama tiga hari ke Brunei, di Istana Darul Taqwa, dekat sini.

Dr Mahathir diminta mengulas laporan akhbar semalam bahawa PBB telah bersetuju membenarkan tentera dari tiga negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) iaitu Malaysia, Pakistan dan Jordan menghantar tentera ke Bosnia yang sedang dilanda peperangan untuk menyertai pasukan PBB di sana.

OIC sebelum ini telah menawarkan kira-kira 20,000 anggota tentera dari kalangan negara anggotanya untuk berkhidmat di Bosnia. Daripada jumlah itu, Malaysia sendiri menyatakan kesanggupan untuk menghantar 1,500 orang. --  
lagi.

▼03/08/13-17MSF

CNS5704

U GB 03-08 00125 BA563

aab

Mahathir - Bosnia 2 (Akhir) Bandar Seri Begawan

Dr Mahathir berkata, kalau tentera PBB yang sedia ada di Bosnia mengundur diri dan menyerahkan kepada tentera Malaysia untuk berada di barisan depan menghadapi tentera Serb, Malaysia percaya ini bukan maksud hendak menolong orang Bosnia "tetapi untuk hendak mendera kita kerana kita bercakap banyak".

"Kalau hendak kita pergi ke sana PBB mesti beri perlindungan udara, mesti beri peralatan dan tidak boleh menarik balik tentera (PBB) yang sedia ada kerana kita akan berada di sana untuk membantu PBB menyelamatkan rakyat Bosnia, bukan untuk menyerang atau berperang dengan orang Serb," kata beliau.

Beliau berkata, tujuan Malaysia (menawarkan tentera) ialah untuk mempertahankan orang Bosnia. -- Bernama

AM NMO